

BAB 2

TINJAUAN KESUSASTERAAN

2.1 Pengenalan

Pelbagai kajian telah dibuat berkaitan isu penggunaan sumber maklumat elektronik di perpustakaan oleh penyelidik terdahulu. Isu penggunaan sumber maklumat elektronik telah dikaji oleh beberapa penyelidik antaranya kajian tentang penggunaan sumber maklumat elektronik di perpustakaan di Baruch College, City University of New York. Selain itu, satu kajian telah dibuat berkaitan faktor-faktor berkaitan penggunaan sumber atas talian di kalangan pensyarah jururawat di College of Health Professions, University of Massachusetts, Lowell.

Pada 2001 sehingga 2002, University of California Library telah mengambil bahagian dalam projek penyelidikan yang di taja oleh Yayasan Andrew W. Melton yang berkaitan dengan kajian penggunaan jurnal elektronik . Matlamat projek ini adalah untuk menentukan maklumbalas pengguna yang menggunakan beberapa jurnal elektronik terpilih melalui akses digital.

Dalam bab ini, kajian dan sumber maklumat terdahulu yang berkaitan dengan topik kajian diperbincangkan dan diteliti oleh penyelidik. Ini akan membolehkan penyelidik memahami dan mengetahui apakah kaedah serta penemuan yang telah diperolehi dalam kajian terdahulu. Ia juga dapat membantu penyelidik untuk membentuk kajian yang baik dan bersesuaian dengan bidang yang diselidiki.

2.2 Perkembangan dan pembangunan sumber maklumat elektronik

Usaha memperkenalkan sumber maklumat elektronik telah bermula sejak tahun 1940. Lee (2002) telah menggariskan sejarah dan perkembangan sumber maklumat elektronik dalam usaha penyimpanan, manipulasi, penyebaran dan pencarian sumber maklumat elektronik di seluruh dunia. Usaha pertama yang dikenalpasti ialah pada tahun 1939 hingga 1945 iaitu sebuah projek yang diusahakan oleh British's Bletchley Park yang memperkenalkan bagaimana teknologi komputer mengurus dan memproses pelbagai bahan dengan cepat. Selepas perang dunia kedua, satu lagi projek yang diaplikasikan pertama kali untuk tujuan bukan ketenteraan iaitu projek Father Roberto Busa. Projek ini telah berjaya memperkenalkan *Index Thomisticus* dalam bentuk elektronik.

American Chemical Society pula telah memulakan usaha pembangunan teknologi penyebaran maklumat menggunakan medium elektronik sejak tahun 1962. Usaha mereka telah berjaya menghasilkan *Chemical Biological Activities* yang dihasilkan dalam bentuk bercetak dan pita magnetik. Pada tahun 1971, MEDLINE (*Medical Literature Online*) telah dilancarkan dan Projek Guternberg pula telah menerbitkan teks elektronik yang pertama iaitu *Declaration of Independence*. Usaha-usaha tersebut menjadi perintis kepada kewujudan pembangunan koleksi dalam bentuk elektronik seperti Dialog dan ORBIT pada tahun 1972 dan pangkalan data LEXIS yang diperkenalkan pada tahun 1973.

Kemunculan pelbagai projek perintis teknologi dan produk digital serta elektronik di seluruh dunia menyebabkan pelbagai lagi produk yang lebih canggih diperkenalkan seperti CD-ROM, DVD, pangkalan data atas talian, buku elektronik dan jurnal elektronik. Pada awal 1990-an, sumber rujukan dalam bentuk CD-ROM diterbitkan.

Penerbitan produk ini telah memberi implikasi kepada cara dan bentuk perniagaan, akademik, penerbitan serta proses penyebaran dan pengaksesan maklumat di perpustakaan.

Disamping itu, sejarah ringkas penerbitan dan penggunaan sumber maklumat elektronik mengikut zaman dan generasinya adalah seperti berikut :

- a. Penggunaan komputer untuk menghasilkan penerbitan bercetak secara konvensional.
- b. Penyebaran teks dan maklumat dalam bentuk elektronik bersama dengan sumber bercetak.
- c. Penyebaran dalam bentuk elektronik yang mempunyai ciri-ciri tambahan seperti teknologi pencarian, manipulasi data dan kemampuan pengawasan.
- d. Generasi yang mengeksplorasi penggunaan sumber maklumat elektronik sepenuhnya seperti hiperteks, hipermedia, suara, grafik dan Internet.

Sejarah perkembangan ini menunjukkan perpustakaan seluruh dunia juga telah mengikut zaman yang telah digariskan oleh beliau dalam penyebaran maklumat secara elektronik. Lee (2002) juga memberikan mesej penting iaitu sumber maklumat elektronik mesti dipertimbangkan bersama dengan pembangunan sumber bercetak. Oleh itu, setiap perpustakaan mesti menggariskan polisi pembangunan koleksi untuk sumber maklumat elektronik bersama dengan sumber lain. Polisi tersebut mesti bermatlamat untuk memenuhi keperluan maklumat pembaca secara paling cepat dan cekap.

Beliau juga telah menyenaraikan beberapa ciri sumber maklumat elektronik yang perlu disediakan oleh perpustakaan kepada pengguna. Sumber maklumat elektronik tersebut adalah perkhidmatan indeks dan abstrak serta sumber bibliografik seperti OPAC.

Sumber –sumber ini merupakan alat rujukan elektronik yang paling penting digunakan di perpustakaan seluruh dunia. Katalog atas talian juga merupakan sumber elektronik yang paling penting dalam pencarian maklumat di perpustakaan. Katalog Awam Atas Talian (OPAC) membolehkan pengguna mencari maklumat mengenai bahan yang terdapat dalam perpustakaan di lokasinya. Pelbagai pangkalan data masa kini membolehkan pencarian sumber bibliografik, indeks dan abstrak seperti pangkalan data *ISI*, *Dialog* dan *OCLC*, dan *MEDLINE*.

Selain daripada itu, Lee juga menyatakan perlunya bagi perpustakaan menyediakan sumber maklumat elektronik yang mempunyai maklumat rujukan, data dan statistik. Contohnya, pangkalan data EIU (*Economist Intelligence Unit*) yang mengandungi data negara yang meliputi 100 negara, ensiklopedia dan kamus.

Beliau juga menjelaskan perpustakaan seharusnya membangunkan koleksi sumber maklumat elektronik dalam bentuk jurnal elektronik, buku elektronik, produk multimedia, dan perkhidmatan berita. Antara contohnya ialah *Grove Dictionaries*, *AMICO* yang mengandungi imej, *Reuters* dan *AdaptiveInfo Service* (www.adaptiveinfo.com) yang memberikan perkhidmatan berita. Ciri-ciri sumber maklumat elektronik yang digariskan oleh beliau merupakan ciri sumber maklumat elektronik yang baik dan sesuai untuk diaplikasikan dan dibangunkan oleh sesebuah perpustakaan terutamanya perpustakaan akademik.

2.3 Sumber maklumat elektronik di perpustakaan akademik.

Perpustakaan akademik terutamanya di perpustakaan perubatan memerlukan cara mengakses maklumat yang efisien dan efektif. Menurut Cameron (1998) pustakawan di perpustakaan hospital perlu memastikan sumber maklumat mencukupi untuk menyokong kurikulum dalam proses pembelajaran dan pengajaran di sebuah hospital universiti. Beliau mensyorkan agar pustakawan dan profesional maklumat dapat menyesuaikan dan memahirkan diri dengan inovasi perpustakaan terkini seperti CD-ROM dan DVD.

Beliau memberikan contoh situasi di Toronto Hospital Library yang menyediakan pelbagai jenis sumber maklumat elektronik antaranya pangkalan data dalam perpustakaan seperti *MEDLINE*, *CINAHL* dan *HealthSTAR* yang boleh diakses di keseluruhan institusi melalui rangkaian Novell. Pepustakaan juga menyediakan akses bagi kakitangan University of Toronto kepada lebih daripada 8,300 sumber maklumat elektronik termasuk 5,903 jurnal teks penuh, 345 jurnal indeks dan abstrak, 81 buku teks penuh, 104 sumber rujukan dan 8 perkhidmatan suratkhabar. Selain daripada itu, Toronto Hospital juga mempertimbangkan samada untuk menyediakan teknologi terbaru iaitu DVD di perpustakaan.

Sumber maklumat elektronik seperti jurnal elektronik di perpustakaan akademik menawarkan pelbagai kelebihan. Menurut Wiles (1997), pengguna tidak perlu lagi untuk mencari isi kandungan dalam jurnal bercetak untuk mendapatkan artikel yang diperlukan. Sebaliknya, pengguna boleh mendapatkan bahan bagi bidang yang diminati melalui sumber elektronik yang memberikan artikel yang tepat dengan pembekalan secara terus kepada pengguna di komputer.

Sweeney (1997) memberikan contoh di mana kebanyakan perpustakaan akademik di UK melanggan pangkalan data *Ebsco* yang menyediakan artikel jurnal yang disediakan melalui Internet. Langganan ini dilaksanakan melalui inisiatif *Combined Higher Education Software Team (CHEST)* kerana ia melibatkan kos yang rendah dan penyediaan artikel dengan cara yang efektif.

Seterusnya, Olorunsola (1997) menyatakan bahawa teknologi maklumat dan sumber maklumat elektronik di perpustakaan memberi kesan kepada masyarakat dan juga pustakawan dalam aspek pembekalan maklumat, data, ilmu dan pengalaman dari satu lokasi ke lokasi yang lain berdasarkan permintaan tempatan.

Bowden (1992) mengklasifikasikan maklumat yang disediakan dalam bentuk elektronik kepada 3 bentuk utama iaitu bentuk fakta, rujukan dan sumber maklumat tidak rasmi. Kategori pertama merujuk kepada maklumat yang membolehkan seseorang mencari jawapan kepada sesuatu soalan. Kategori kedua, merujuk kepada maklumat rujukan yang tidak memberikan jawapan secara terus tetapi dapat memberikan panduan kepada seseorang untuk mendapatkan jawapan. Manakala, kategori ketiga adalah sumber maklumat yang tidak rasmi.

Kajian juga telah dibuat tentang sejauh manakah ketiga-tiga sumber maklumat maklumat elektronik ini di sediakan secara efektif oleh perpustakaan di Nigeria. Orunsola (1997) menyatakan bahawa perpustakaan di Nigeria menunjukkan minat dalam menyediakan sumber maklumat elektronik terutamanya di peringkat universiti. Kebanyakan universiti di Nigeria menyediakan komputer di pelbagai jabatan tetapi tidak ada jaringan rangkaian di antara jabatan-jabatan tersebut yang menyebabkan mereka tidak dapat melaksanakan perkongsian fail dan maklumat.

Perpustakaan akademik di Nigeria terutamanya yang menjalankan program penyelidikan saintifik, teknikal dan bidang perubatan juga menggunakan pangkalan data seperti pangkalan data bibliografik di atas pita magnetik yang diproses pada komputer dalam dengan menggunakan perisian capaian kembali maklumat. Pangkalan data bibliografik ini menyenaraikan penerbitan, buku, laporan dan pangkalan data yang memberikan panduan jawapan yang boleh diperolehi. International Institute of Tropical Agriculture (IITA), Ibadan dan beberapa perpustakaan kolej perubatan adalah contoh institusi di Nigeria yang menggunakan sumber rujukan elektronik tersebut.

Menurut kajian Al-Baridi dan Ahmed (2000), perpustakaan akademik pada masa kini menyediakan pengaksesan secara elektronik kepada pelbagai sumber tembusuk indeks, artikel teks penuh, jurnal dan sumber berdasarkan Web. Sumber elektronik ini dapat diakses oleh pengguna secara lebih meluas kerana pengguna boleh mengakses maklumat versi elektronik daripada pejabat atau rumah. Selain daripada itu, sumber maklumat elektronik ini boleh dipakej dan disediakan dengan pelbagai cara antaranya menempatkan pangkalan data di pelayan komputer, CD-ROM, membeli modem untuk pencarian secara atas talian dan mendapatkan maklumat melalui Internet. Tetapi, kesemua pangkalan data menyediakan bentuk pencarian maklumat yang sama bagi pengguna walau pun ianya dipakej dalam bentuk berlainan (Dickinson, 1994).

Kajian yang dilakukan oleh Al-Baridi dan Ahmed (2000) menunjukkan gambaran pembangunan sumber maklumat elektronik di King Fahd University of Petroleum and Minerals Library (KFUPM) di Dhahran, Arab Saudi. Kajian tersebut juga memperlihatkan pengalaman perpustakaan KFUPM dalam membangunkan sumber maklumat elektronik. Skop sumber maklumat elektronik yang dikaji meliputi

perkhidmatan pencarian atas talian, sistem katalog awam atas talian (OPAC), perkhidmatan pencarian CD, sumber Internet, produk World Wide Web, teks elektronik, multimedia dan semua sumber maklumat yang membolehkan pengguna mengakses menggunakan format elektronik.

Kajian lepas berhubungan perkembangan sumber maklumat elektronik di perpustakaan menunjukkan pelbagai jenis sumber maklumat elektronik disediakan diperpustakaan di UK, Nigeria dan Arab Saudi dan banyak lagi perpustakaan negara-negara maju di dunia. Oleh itu, kajian ini akan turut mengkaji sumber maklumat elektronik yang disediakan perpustakaan HUKM untuk penggunaan pelajar perubatan.

2.4 Penggunaan sumber maklumat elektronik di perpustakaan akademik

Banyak kajian telah dibuat untuk memahami faktor-faktor relevan yang menggalakkan seseorang pelajar mencari maklumat dan menggunakan sumber maklumat elektronik. Menurut Waldman (2000), kebanyakan pelajar di universiti mempunyai banyak tugas dan kertas kerja untuk dilaksanakan sepanjang pembelajaran di sesebuah universiti atau kolej.

Waldman (2000) juga menyatakan salah satu faktor penghalang dalam penggunaan sumber maklumat elektronik di perpustakaan akademik adalah ia tidak memberikan maklumat secara terus. Disamping itu, pelajar perlu memilih pangkalan data dan perkataan yang digunakan dalam pencarian maklumat di pangkalan data yang dipilih. Sebaliknya, penggunaan enjin pencarian di Internet pula akan menghasilkan beribu-ribu hasil maklumat atau laman Web yang berkaitan tanpa mengira bidang yang dicari.

Kajian untuk memahami bagaimana pelajar menggunakan sumber maklumat elektronik adalah penting bagi membantu pustakawan dan kakitangan perpustakaan akademik membangunkan rekabentuk sesuatu arahan dan panduan dalam menggunakan sumber-sumber tersebut di perpustakaan. Satu kajian pelajar pra-siswazah menunjukkan kebanyakan mereka mencari satu cara yang paling cepat dalam mendapatkan maklumat yang tepat dengan kehendak mereka apabila hendak menggunakan sumber maklumat elektronik. Bagaimanapun, pelajar ini tidak merasa selesa untuk bertanya kepada pustakawan mengenai penggunaan sumber maklumat di perpustakaan dan menghabiskan masa yang lama untuk mencari maklumat. Selain daripada itu, tidak semua pelajar menggunakan pangkalan data teks penuh walaupun ianya menawarkan kemudahan pencarian sesuatu artikel penyelidikan.

Satu kajian tentang penggunaan sumber maklumat elektronik di perpustakaan Baruch College, City University of New York oleh pelajar baru dan dorongan kendiri telah dilakukan. Kajian tersebut melihat peranan dorongan kendiri terhadap pencarian maklumat dan penggunaan sumber maklumat elektronik di perpustakaan. Penggunaan sumber maklumat elektronik dan perpustakaan di analisa dan dikolerasikan dengan skor dorongan kendiri. Perhubungan faktor-faktor lain, seperti umur, jantina, fakulti, kekerapan penggunaan komputer, dan kecekapan kendiri dengan penggunaan sumber maklumat elektronik di perpustakaan juga dikaji. Hasil kajian menunjukkan, dorongan kendiri iaitu keinginan dan dorongan seseorang untuk bertindak bagi mencapai sesuatu matlamat merupakan faktor tertinggi yang mempengaruhi seseorang pelajar menggunakan sumber maklumat elektronik dan juga perpustakaan.

Satu kajian yang lain berkaitan penggunaan sumber maklumat elektronik juga telah dilakukan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kajian kes oleh Shaheen Majid dan Abazavo (1999) ini mengkaji perhubungan antara literasi komputer kakitangan akademik dan penggunaan sumber maklumat elektronik. Kesan daripada faktor-faktor lain seperti umur, jantina dan latar belakang pendidikan kepada penggunaan sumber elektronik juga dikaji. Hasil kajian menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan di antara literasi komputer dengan penggunaan sumber maklumat elektronik dan perkhidmatannya di perpustakaan. Kajian mendapati para akademik yang berumur lebih daripada 50 tahun kurang menggunakan sumber maklumat elektronik.

Satu kajian oleh Dillon (2001) di perpustakaan University of Texas telah mengkaji penggunaan buku elektronik dikalangan pengguna. Kajian menunjukkan penggunaan koleksi buku elektronik di perpustakaan perubatan University of Texas mengikut bidang. Statistik menunjukkan penggunaan buku elektronik dalam bidang perubatan adalah tertinggi (23 %) berbanding bidang –bidang lain seperti Sains komputer (22%) dan biologi (7%). Kajian juga menunjukkan penggunaan buku-buku elektronik di perpustakaan adalah tinggi dan sentiasa meningkat.

Hasil daripada tinjauan terhadap kajian lepas berkaitan penggunaan maklumat elektronik adalah didapati bahawa antara faktor-faktor penghalang adalah kurang kemahiran dalam mengesan maklumat daripada sumber maklumat elektronik, faktor umur, jantina dan latar belakang pendidikan. Selain daripada faktor-faktor tersebut terdapat kajian lepas yang menunjukkan hubungan antara literasi komputer dengan penggunaan sumber elektronik dimana tahap literasi komputer mempengaruhi kekerapan penggunaan sumber maklumat elektronik.

Oleh itu, kajian ini akan turut mengenalpasti sama ada faktor-faktor yang dipaparkan dalam kajian-kajian lepas yang telah dibincangkan merupakan antara faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penggunaan sumber elektronik dikalangan pelajar perubatan di HUKM.

2.5 Penggunaan sumber maklumat elektronik di kalangan pelajar

Menurut Jelfs dan Colbourn (2002), teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menjadi kunci kepada sistem dan strategi pendidikan tinggi di United Kingdom. Mereka juga telah membuat kajian persepsi pelajar tahun dua kursus psikologi di Universiti College Northhampton dalam penggunaan Virtual-Conference dan ICT dalam bidang psikologi contohnya bibliografi atas talian dan 110 sumber rujukan dalam pelbagai bentuk ICT. Kajian mereka yang mendapat tajaan projek ASTER (Assisting Small-group teaching through Electronic Resources) telah mengkaji bagaimana penggunaan ICT boleh membantu pelajar dan pensyarah dalam pembelajaran mereka. Kajian mendapati beberapa kolerasi positif diantara persepsi pelajar terhadap ICT. Antaranya adalah pelajar yang selesa menggunakan komputer untuk belajar juga merasa selesa menggunakan ICT.

Satu kajian oleh Waldman (2000) keatas pelajar yang mengambil matapelajaran Introduction to Psychology di City University of New York menunjukkan pangkalan data yang paling tinggi digunakan dari keseluruhan 15 pangkalan data yang terdapat di perpustakaan ialah pangkalan data *Lexis/Nexis* (44%). Keputusan ini mungkin disebabkan pelajar hendak mencari maklumat terkini dari pangkalan data tersebut yang menyediakan maklumat perundangan dan artikel suratkhabar.

Satu kajian penggunaan sistem maklumat elektronik oleh pelajar pendidikan tinggi di United Kingdom telah dibuat dibawah projek kaji selidik pengguna (JISC) Joint Information Systems Committee di University of Wales. Kajian tersebut menunjukkan penggunaan sistem maklumat elektronik dikalangan pelajar adalah rendah dan strategi pencarian yang digunakan juga terhad. Signifikan yang tinggi juga diperolehi kesan daripada penggunaan Internet dalam pencarian maklumat pelajar. Sumber-sumber maklumat yang lebih rasmi seperti sumber *JISC-negotiated* juga agak kurang digunakan oleh pelajar.

Kajian penggunaan sumber maklumat elektronik *Portia* secara atas talian telah dilakukan (http://www.libr.part.ac.uk/news/survey_summary.html) dengan keseluruhan 394 soalselidik atas talian termasuk 59 daripada email. Sebanyak 71 % daripada responden tersebut pula adalah pelajar pra-siswazah. Kajian itu menunjukkan pelajar lebih berminat menggunakan sumber elektronik yang mudah, pelbagai fungsi dan mempunyai kemudahan muat turun yang cepat. Selain daripada itu, pelajar juga mendapati beberapa jurnal yang boleh diperolehi di *Portia* tidak terdapat dalam bentuk cetak di perpustakaan dan maklumat yang disediakan juga terkini. Kajian juga mendapati bahawa pelajar menggunakan *Portia* untuk mengakses maklumat tentang perpustakaan, mengakses kertas peperiksaan lepas, dan mengakses sumber maklumat elektronik yang disediakan. Oleh itu, keputusan tersebut akan membolehkan perpustakaan mengetahui kemudahan yang perlu dibangunkan dan dipertingkatkan.

Shaheen Majid dan Tan (2002) telah membuat kajian tentang keperluan maklumat dan tabiat pencarian maklumat dikalangan pelajar pra-siswazah kejuruteraan komputer di Nanyang Technological University (NTU), Singapura. Mereka telah

mengkaji jenis sumber maklumat yang digunakan oleh pelajar, sumber maklumat yang paling diminati, kepentingan dan faktor-faktor penggunaan sumber maklumat tertentu termasuk pelbagai sumber maklumat elektronik. Kajian menunjukkan bahan-bahan cetak adalah format sumber maklumat yang paling banyak digunakan oleh pelajar dan penggunaan pangkalan data serta jurnal elektronik adalah rendah dikalangan pelajar kejuruteraan komputer. Kajian tersebut telah mencadangkan kempen promosi bagi pelajar perlu dilaksanakan dalam penggunaan sumber maklumat elektronik dengan lebih meluas.

Hasil daripada tinjauan terhadap kajian lepas berkaitan penggunaan sumber maklumat elektronik di kalangan pelajar menunjukkan bahawa penggunaan pelajar adalah tinggi terhadap sumber maklumat elektronik yang menyediakan maklumat yang tepat dan terkini bagi sesuatu bidang. Selain itu, kajian lepas menunjukkan bahawa penggunaan pelajar terhadap sumber maklumat elektronik adalah rendah dan strategi pencarian mereka juga rendah. Kajian lepas turut menunjukkan pelajar lebih berminat menggunakan sumber elektronik yang mudah, pelbagai fungsi dan mempunyai kemudahan muat turun yang cepat.

Oleh itu, kajian ini akan turut mengenalpasti sama ada hasil yang dipaparkan berkaitan penggunaan sumber elektronik di kalangan pelajar dalam kajian-kajian yang lepas juga memperlihatkan satu tahap atau tren yang sama atau sebaliknya berkaitan penggunaan sumber elektronik elektronik di kalangan pelajar perubatan di perpustakaan HUKM

2.6 Ciri-ciri dan kaedah pencarian maklumat sumber maklumat elektronik

Kemampuan untuk mencari dan menggunakan maklumat dengan efektif merupakan satu kemahiran yang penting bagi pelajar. Selain itu, pengetahuan yang mendalam tentang bagaimana untuk mencari sumber maklumat serta kemampuan untuk memilih maklumat membolehkan pelajar berada dalam keadaan selesa dan mahir dalam pembelajaran mereka.

Kepelbagai sumber maklumat elektronik seperti pangkalan data, dan Internet menawarkan pelbagai kaedah dan jenis pencarian maklumat. Banyak maklumat disediakan melalui sistem pencarian dan pangkalan data. Menurut, Pajarillo (2000) seseorang pesakit menggunakan laman Web untuk mencari maklumat mengenai diagnosis dan rawatan penyakit. Oleh itu, kebanyakan pesakit yang datang ke hospital dan klinik perubatan telah sedia mempunyai pelbagai maklumat dan ilmu perubatan yang diperolehi hasil daripada pencarian mereka sendiri.

Satu kajian telah dilakukan oleh Pajarillo (2000) terhadap beberapa sumber maklumat elektronik berkaitan dengan kaedah dan ciri-ciri pencarian pangkalan data. Pangkalan data dan sumber maklumat elektronik dinilai oleh beberapa orang jururawat profesional daripada segi ciri-ciri capaian kembali, utiliti atau kemudahan yang disediakan dan samada sumber elektronik tersebut mesra pengguna atau tidak. Tiga sumber elektronik yang dipilih adalah enjin pencari *Yahoo!* , enjin pencari *Ask Jeeves* dan *MEDLINE*.

Hasil kajian menunjukkan *MEDLINE* merupakan sumber maklumat elektronik yang paling baik dari segi ciri-ciri capaian kembali berbanding dua sumber elektronik yang lain. Ciri-ciri capaian kembali yang disediakan adalah ciri-ciri penghadan pencarian

yang baik termasuk jenis dan tahun penerbitan, jenis jurnal, jangka masa, tarikh dan bahasa. MEDLINE juga membolehkan pencarian menggunakan tajuk, pengarang dan perkara. Selain daripada itu, ia menyediakan senarai bibliografi yang boleh dirangkaikan kepada pangkalan data teks penuh. Dari segi utiliti pula MEDLINE juga menyediakan utiliti terbaik berbanding dengan 2 sumber maklumat elektronik yang dikaji kerana MEDLINE menyediakan senarai bibliografi dengan pautan, artikel teks penuh, hasil capaian juga menyediakan maklumat saintifik dan bahan-bahan berguna berkaitan kesihatan dan topik-topik berkaitan. Namun demikian, enjin pencari *Ask Jeeves* merupakan sumber elektronik yang paling baik dari segi mesra pengguna berbanding 2 sumber elektronik yang lain. Hasil kajian ini amat berguna dalam memberi panduan kepada pengguna samada jururawat atau pelajar perubatan dalam penggunaan sumber maklumat ini dan pangkalan data lain kepada pengguna yang berpengalaman atau tidak.

Menurut Michel (1994), dan Debowski, (2000) pengguna seharusnya memberikan istilah yang paling tepat untuk membolehkan sesuatu sumber maklumat elektronik menghasilkan capaian kembali maklumat yang dikehendakinya dengan efektif. Namun begitu, secara umumnya, pengguna terdiri daripada mereka yang mahir dalam pencarian yang membolehkan penghasilan capaian kembali yang memuaskan dan pengguna yang baru atau tidak mahir yang menghasilkan capaian kembali yang salah dan tidak berkualiti.

Keperluan dalam mengkaji strategi pencarian telah dikenalpasti daripada ramai pengarang dan pengkaji. Sebagai contoh, Borgman (1996) serta Harter dan Cheng (1996). Bagaimanapun, kecenderungan pengkajian adalah kepada komponen tertentu strategi pencarian berbanding keseluruhan model pencarian. Yuan (1997) merintis kajian yang

lebih fokus kepada proses pencarian dan pembuatan keputusan yang tidak tepat dan salah dalam pencarian maklumat oleh pelajar pra siswazah undang-undang. Kajian ini menguatkan pandangan bahawa pencarian maklumat boleh diperolehi melalui analisa lebih mendalam dalam strategi pencarian. Bagaimanapun, kajian terhadap pengguna akhir dalam pencarian maklumat yang kurang dilakukan menyebabkan perkhidmatan maklumat kurang mendorong pengguna yang tidak mahir dalam pencarian pangkalan data elektronik.

Debowski (2001) menjelaskan keperluan untuk kajian terhadap pencari maklumat yang menggunakan pelbagai strategi maklumat dan isu-isu motivasi yang mempengaruhi proses pencarian. Beliau telah membuat kajian terhadap tingkah laku pencari maklumat yang baru semasa mencari maklumat. Kajian tersebut menunjukkan terdapat beberapa halangan bagi pencari maklumat yang baru untuk menghasilkan pencarian yang boleh mendapatkan maklumat yang diperlukan. Keputusan kajian juga menunjukkan pencari maklumat yang baru berusaha bersungguh-sungguh dalam pencarian mereka tetapi sukar untuk menghasilkan strategi pencarian yang efektif. Kajian tersebut telah menimbulkan beberapa isu signifikan yang memerlukan kajian berterusan mengenai tingkah laku pencarian pengguna serta perlunya pembangunan perkhidmatan yang sesuai untuk menyokong pengguna-pengguna sebegini.

2.7 Kepentingan sumber maklumat elektronik di perpustakaan akademik

Dunia perpustakaan termasuk perpustakaan akademik telah mengalami perubahan dengan pelbagai teknologi terkini yang merintis kepada penyediaan maklumat dalam bentuk digital dan elektronik. Konsep terbaru yang dikenali sebagai perpustakaan digital atau elektronik telah mengubah cara perpustakaan akademik menyebarkan maklumat dalam bentuk elektronik. Deegan (1998) menyatakan bahawa perpustakaan memainkan peranan penting dalam menyokong proses penyelidikan di sebuah universiti.

Penyelidik memerlukan akses cepat kepada maklumat penyelidikan. Oleh itu, sumber maklumat elektronik merupakan alat yang penting dalam membantu menyalurkan maklumat berdasarkan penyelidikan tersebut. Menurut Deegan (1998) lagi sumber elektronik terdapat dalam pelbagai bentuk seperti katalog awam atas talian, kamus elektronik, serta jurnal elektronik yang boleh memberikan maklumat ilmiah yang terkini.

Satu kajian yang dibuat di University of Newcastle diantara November 1996 dan Mei 1997 telah menunjukkan peranan yang diberikan kepada pelajar. Kajian mendedahkan bahawa sumber atas talian dan CD-Rom memberikan kepuasan yang tinggi bahan bercetak dalam memberikan maklumat untuk tesis dan tugas mereka.

Hanson (1998) mengulas tentang beberapa peranan dan fungsi yang dimainkan oleh sumber maklumat elektronik terhadap perkhidmatan rujukan iaitu pertanyaan rujukan secara emel dan atas talian, Virtual Reference Desk (VRD), yang dapat menyediakan perkhidmatan rujukan secara proaktif dengan ciri-ciri Frequently Asked Question (FAQ), tutorial kemahiran maklumat atas talian, permohonan perkhidmatan atas talian dan lain-lain. Ini menunjukkan bahawa sumber elektronik berperanan besar dalam

menjadi sumber rujukan bukan sahaja kepada penyelidikan bahkan kepada perkhidmatan rujukan serta pendidikan pengguna.

Sumber elektronik juga dapat menyediakan perkhidmatan penyebaran maklumat terpilih atau Selective Dissemination Information (SDI) yang dapat memberi maklumat terkini dan terpilih kepada pengguna secara automatik. Menurut Hanson, terdapat beberapa pangkalan data yang menyediakan perkhidmatan ini antaranya *SilverPlatter* dan *Ovid*. Manakala terdapat beberapa pangkalan data yang menyediakan perkhidmatan muka surat kandungan berdasarkan profail perkara yang dipilih oleh pengguna. Antara pangkalan data yang menyediakan perkhidmatan ini ialah pangkalan data *Swets, EBSCO* dan *Faxon*.

Satu kajian yang dilakukan oleh Eason, Harker dan Yu (2000) mendedahkan fungsi jurnal elektronik berdasarkan projek *SuperJournal*. Penganalisaan yang dibuat menunjukkan asas pencarian dan percetakan merupakan fungsi utama jurnal elektronik. Manakala, fungsi lain seperti menyimpan data bibliografik, mengemaskini, pemberitahuan, dan rangkaian kepada sumber luar serta komunikasi merupakan fungsi kedua.

Ini menunjukkan sumber maklumat elektronik memainkan peranan yang begitu penting dan meluas yang juga merangkumi perkhidmatan bagi pengguna di perpustakaan akademik. Sehubungan dengan itu, kajian ini ingin mengetahui samada sumber maklumat elektronik memainkan peranan yang penting kepada pengguna di HUKM.

2.8 Kesimpulan :

Tinjauan kesusasteraan yang telah dibuat berkaitan dengan penggunaan sumber elektronik di perpustakaan menunjukkan kemudahan sumber tersebut telah berkembang dengan pesatnya terutama di kalangan perpustakaan akademik. Walaubagaimanapun kajian lepas menunjukkan penggunaannya masih menggalakkan dan faktor-faktor penggunaan dan ketidakgunaan telah dikenalpasti. Aspek yang turut dikaji meliputi kaedah pencarian maklumat dari sumber elektronik yang digunakan pelajar. Kesemua dapatan kajian tersebut akan membantu kajian ini untuk mengenalpasti factor-faktor dan pola penggunaan sumber elektronik dikalangan pelajar khususnya dalam bidang perubatan.